

**NO. SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK KUMBONG**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9404**

**SOALAN:**

**Datuk Wilson Ugak Kumbong [ Hulu Rajang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menaiktaraf kemudahan Pondok Polis Sungai Asap di bangunan sewa kedai kepada Balai Polis bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat setempat**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada masa ini, Pondok Polis Sungai Asap sedang beroperasi secara sewaan di bangunan rumah kedai dua tingkat dengan kadar sewaan RM3000 sebulan. Projek Balai Sungai Asap ini telah dicadangkan dalam RMKe10 namun digugurkan atas kekangan peruntukan dan isu tapak tanah yang berkeluasan 7.5 ekar yang masih dalam proses pengambilan. Kementerian akan menyenaraikannya semula dalam perancangan projek Rancangan Malaysia Ke11 setelah isu tanah diselesaikan.**